

24 NOV 1999

Sanusi-Budi

PILIHAN DI ANTARA FITNAH DAN BUDI, KATA SANUSI

LANGKAWI, 24 Nov (Bernama) -- Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid menyifatkan pilihan raya umum ke-10 kali ini sebagai peluang untuk rakyat membuat pemilihan antara fitnah dan budi.

Sanusi, yang akan mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Kuah, berkata pilihan raya ini juga adalah untuk membezakan di antara keamanan dan kekacauan.

Berucap pada majlis bersama warga Polis Diraja Malaysia (PDRM) Langkawi di sini, beliau berkata rakyat perlu membuat pilihan yang tepat jika mahu negara terus maju dan sistem keadilan dikekalkan.

"Tanpa budi dan keamanan, pelancong dan pelabur sudah pasti tidak akan datang untuk berbelanja dan melabur.

"Budi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada pembangunan negara tidak dapat dinafikan. Kalau ada benda hendak dibuat beliau akan berunding dahulu dengan pakar," kata beliau.

"Bagaimanapun, cerita fitnah mengenai Dr Mahathir dan saya keluar macam-macam," katanya.

Sementara itu, Sanusi berkata beliau menganggap PAS tidak jujur dalam mempengaruhi para pengundi untuk memangkah calon mereka bagi kerusi dewan undangan negeri manakala Parlimen kepada Barisan Nasional (BN).

Tindakan PAS itu menyedihkan kerana sanggup mengorbankan calon Parlimen sendiri semata-mata untuk mengejar kemenangan kerusi negeri, katanya pada pemberita selepas program wawancara di stesen RTM Langkawi.

"Kalau tidak boleh jujur pada calon sendiri, jangan harap mereka akan jujur pada pengundi," kata beliau.

Sanusi diminta mengulas langkah PAS menjalankan kempen pintu ke pintu di sini dengan memujuk rakyat memilih calon mereka untuk kerusi negeri manakala Parlimen kepada BN.

Parlimen Langkawi akan menyaksikan pertandingan satu lawan satu antara penyandang kerusi, Datuk Abu Bakar Taib dan calon PAS, Amiruddin Hamzah.

Sanusi pula dicabar calon PAS, Che Din Arshad untuk kawasan Kuah manakala Padang Matsirat antara penyandang kerusi dari BN, Mohamed Hasan Bulat dan calon PAS, Sidek Pin.

-- BERNAMA

NH AKD